

BAB 2

KONSEP

2.1 KEMUNCULAN PERADABAN DUNIA

Lebih kurang 10 ribu tahun dahulu, satu budaya yang dinamakan sebagai budaya Cro-Magno tersebar ke pelbagai pelusuk dunia. Budaya ini membawa perubahan besar dalam kehidupan manusia kerana memperkenalkan kaedah pertanian yang lebih maju dan sistematik. Perubahan ini bukanlah satu perubahan yang mendadak tetapi memakan masa beribu-ribu tahun. Apabila manusia mula bercucuk tanam secara sistematik, keadaan alam persekitaran dapat dikawal oleh mereka. Kemunculan ladang-ladang pertanian menyebabkan satu penempatan yang stabil mula wujud. Peradaban manusia boleh dikatakan bermula dengan revolusi pertanian seperti ini(John M., Joachim S., 1985:35).

Pembentukan sesebuah peradaban bermula apabila manusia yang hidup berpindah-randah mencari kawasan pertanian yang subur. Lama-kelamaan mereka mula hidup setempat dan memulakan kaedah pertanian dan pengairan yang sistematik. Apabila manusia ini mencipta sistem pertanian yang lebih baik untuk meningkatkan taraf hidup mereka ianya dapat menghasilkan tanaman yang memuaskan, maka mereka mula menetap di suatu kawasan penempatan tetap dan memulakan penempatan baru. Penempatan ini akan berkembang dan akhirnya menjadi kota-kota besar yang ditadbir oleh sebuah kerajaan yang dipimpin oleh seorang pemerintah (Ibid:41-42).

Negara kota paling awal ditemui dikatakan wujud pada 9,000 sebelum masehi di Jericho, sebuah bandar yang terletak berhampiran dengan Sungai Jordan. Pengalian arkeologi di kawasan tersebut menemui bukti yang kukuh tentang kewujudan peradaban awal ini. Pada 7350 sebelum masehi, penduduk bandar Jericho dianggarkan berjumlah 2000 orang. Terdapat tembok setinggi 3.5 meter dan dindingnya setebal 1.5 meter telah dibina untuk melindungi negara kota tersebut dari serangan musuh (Ibid:40).

Tidak lama kemudian agama mula dipraktikan dan disebarluaskan ke kawasan lain. Tulisan juga dicipta untuk merekodkan maklumat, idea dan kejadian penting pada masa tersebut. Bukti-bukti arkeologi sejarah dan artifak yang dicargali banyak menceritakan kehidupan manusia di suatu peradaban yang luput ditelan zaman. Kerajaan dipimpin oleh seorang pemerintah yang dianggap sebagai "tuhan" dan beliau akan menguasai sumber seperti pertanian, pembinaan dan hasil galian serta segala kekayaan bumi (Ibid:27).

Dari tahun 3500 sebelum masehi sehingga 1300 sebelum masehi, peradaban manusia yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat mula menubuhkan kerajaan sendiri bagi melindungi kekayaan hasil bumi dan kepentingan perdagangan mereka. Untuk membina sebuah negara kota, setiap lapisan masyarakat dikerah oleh pemerintah untuk menyumbangkan tenaga mereka. Ini menyebabkan wujudnya pelbagai peluang pekerjaan.

Pengkhususan dalam pekerjaan menyebabkan wujudnya satu kelas sosial berbeza yang dinilai mengikut jenis pekerjaan dan kekayaan harta benda yang ada pada

seseorang. Strata sosial yang berpandukan jenis pekerjaan akhirnya memisahkan manusia yang hidup bersekelompok dan mereka mula berpindah mencari penempatan baru. Proses penghijrahan ini menyebabkan peradaban baru muncul di tempat-tempat lain di muka bumi(Ibid:41).

Peradaban dunia yang awal dibentuk oleh budaya manusia yang dapat mengasimilasikan diri dengan alam persekitaran. Konsep "negara kota" merupakan satu istilah penting sebagai penanda kewujudan sebuah peradaban. Beberapa peradaban dunia yang awal ialah seperti peradaban di Mesopotamia(Iraq) sepanjang Sungai Tigris, sepanjang Sungai Nil di Mesir, Peradaban Roman, peradaban China di sepanjang Sungai Kuning dan di Lembah Sungai Indus di India. Peradaban-peradaban manusia ini wujud lebih kurang pada tahun 5,500 sebelum masehi. Ianya merupakan antara peradaban-peradaban manusia yang terpenting dalam sejarah dunia (Ibid:42).

Ada rekod yang membuktikan bahawa tulisan paling awal ditemui di Mesopotamia bertarikh tahun 3500 sebelum masehi. Menurut sarjana-sarjana arkeologi barat, peradaban ini merupakan salah satu peradaban yang terawal di dunia. Sarjana barat memberikan satu turutan mengikut masa bagi peradaban-peradaban penting yang muncul di dunia. Mengikut turutan tersebut:

Jadual 2.1:Tempat-tempat kemunculan penting peradaban manusia di dunia mengikut kronologi

Masa Kewujudan(sebelum masehi)	Tempat kemunculan
3000 SM	Sungai Nil, Mesir
2200 SM	Lembah Sungai Indus, India
2000 SM	Sungai Kuning, China
1300 SM	Mexico

Sumber:John A.M., et al,1985, *Achievement Through Ages*, California:Glencoe Publishing.

2.2 PERADABAN INDIA

Tamadun India merupakan salah satu tamadun yang tertua dunia yang unik berbanding dengan tamadun dunia yang lain seperti Mesir, Greek dan Mesopotamia. Keunikannya terselah kerana tamadun ini telah menunjukkan kesinambungan tradisi yang tinggi nilainya seperti mazmur-mazmur dari kitab suci agama Hindu iaitu Rid Veda yang bertarikh 1500 sebelum masehi kini masih tetap digunakan dalam upacara sembahyang di kuil-kuil Hindu di seluruh dunia sehingga ke hari ini.(Shakuntala Rao,1960)

Pada tahun 2500 sebelum masehi, seiring dengan peradaban Mesir dan Mesopotamia, satu peradaban baru muncul di Lembah Sungai Indus di benua kecil India. Dua buah negara kota ditemui dari hasil kajian arkeologi yang di jalankan oleh John Marshall, seorang arkeologis barat. Dua buah kota ini dikenali sebagai Mohenjo-daro dan Harappa. Ianya merupakan penemuan yang mempunyai

signifikasi terpenting dalam kajian sejarah peradaban India (Mortimer Wheeler, 1953:2).

Banyak bukti yang didapati dari kesan peninggalan sejarah dari artifak menujukkan bahawa peradaban ini mempunyai status kemajuan yang tinggi. Menurut Mortimer Wheeler dalam bukunya berjudul "*The Cambridge History of India*" Mortimer(1953), negara kota ini dibina secara sistematik di mana jalan-jalan raya dibina secara lurus dan jalan besar disambungkan kepada lorong yang lebih kecil. Ini membuktikan bahawa mereka mempunyai perancangan bandar strategik. Negara kota ini mempunyai aliran longkang tertutup di mana iaanya mengalir di bawah tanah selari dengan jalan-raya utama.

Hasil penemuan ini jelas membuktikan bahawa teknologi canggih sudah pun digunakan oleh orang India lebih kurang 5000 tahun yang lampau. Gudang mengumpul bijirin dan kolam mandi yang ditemui menonjolkan sistem pembinaan yang maju sudah wujud. Bangunan-bangunan di sini dibina dengan menggunakan batu-bata yang disalai. Kolam renang dibina dengan lapisan bitumin yang kalis air di dasarnya. Peradaban Harappa pula meninggalkan bukti bahawa mereka merupakan peradaban awal yang menghasilkan kapas untuk tenunan kain(www.indianest.com).

Peninggalan sejarah peradaban Mohenjo-daro dan Harappa banyak membuktikan bahawa masyarakat pada masa itu amat maju dan mempunyai kehidupan yang berkualiti tinggi. Lebih kurang 1700 tahun sebelum masehi, kedua-dua penempatan ini lenyap secara tiba-tiba. Pelbagai teori yang dinyatakan oleh para pengkaji

sejarah mengenai pelenyapan peradaban ini. Ada kemungkinan banjir, wabak penyakit atau perang yang besar telah melenyapkan peradaban ini (John M., Joachim S., 1985:66).

Setelah peradaban Lembah Sungai Indus pupus, timbul satu lagi penempatan muncul lebih kurang 1500 sebelum masehi. Peradaban ini dinamakan sebagai peradaban Indo-Aryan. Mereka ini berasal dari Asia Tengah dan berhijrah secara perlahan-lahan menyeberangi pergunungan Hindu Kush untuk sampai ke Utara India. Mereka telah mengasimilasikan diri dengan masyarakat tempatan bergelar Dravidian yang sudah menetap di India terlebih dahulu(Anil Bhat:1967).

Orang-oang Dravidian ini dikatakan pernah menetap di Mohenjo-daro dan Harappa dan akhirnya berpindah ke bahagian selatan benua India. Sebab-sebab penghijrahan mereka tidak dapat dijelaskan dengan tepat. Menurut andaian ahli-ahli kaji sejarah seperti John Marshall, perang, wabak penyakit ataupun banjir mungkin telah menyebabkan mereka berpindah (Mortimer Wheeler:1953).

Walaupun tamadun India menerima pelbagai unsur budaya luar dari Greek, Kusana , Islam dan Eropah namun unsur-unsur keasliannya masih dipertahankan. Contohnya, budaya Islam membawa masuk seni bina berbentuk kubah masih kelihatan dalam seni kebudayaan India, budaya Eropah pula memberi kesan dalam bidang pendidikan, pentadbiran, ekonomi dan sebagainya. Ciri-ciri tamadun India masih dapat dikekalkan walaupun dipengaruhi oleh budaya lain.

2.2.1 Ciri-ciri Penting Tamadun India

Tamadun India yang berusia lebih dari 6000 tahun mempunyai beberapa cirri yang unik (nota kuliah AXGD6132) seperti:

- a) Pendidikan amat dititikberatkan kerana membawa kesedaran dan pengetahuan. Ianya dianggap sebagai khazanah yang amat disanjungi dan menjadi asas kesedaran kerohanian yang amat penting dalam agama Hindu.
- b) Tamadun India mewarisi tradisi sejarah kesusasteraan yang tinggi nilainya sejak zaman sebelum masehi lagi. Epik seperti Ramayana dan Mahabaratha(500sm), karya nahu Ashtadhyayi ciptaan Panini(400sm), karya ketatanegaraan Arthashastra ciptaan Kautilya(300sm), karya etika Tirukkural(100sm) ciptaan Thiruvalluvar adalah antara contoh karya-karya terunggul tamadun India.
- c) Setiap manusia mempunyai tanggungjawab masing-masing. Terdapat 4 tahap dalam kehidupan orang Hindu iaitu Bramacharya, Grhyastha, Vanaparahaasta dan Sanyasa.
- d) Agama Hindu menjadi sumber asas falsafah India iaitu bagaimana manusia menilai kebenaran dan mengecapi kesedaran kerohanian di India.
- e) Konsep “dharma” iaitu tanggungjawab moral dan disiplin diri merangkumi segala aspek kehidupan orang India.
- f) Keluarga amat dipentingkan dan setiap ahli keluarga mempunyai peranan dan tanggung-jawab masing-masing .

2.2.2 Sumbangan Tamadun India Kepada Dunia

- a) Rempah ratus dan masakan kari terkenal di seluruh dunia dan merupakan komoditi terpenting dalam perdagangan Eropah-Asia pada abad ke 19. Komoditi ini juga menjadi salah satu faktor penting penjajahan kuasa asing di India dan kawasan Asia Tenggara yang lain
- b) Konsep raja dan negara yang diamalkan di Asia Tenggara merupakan pengaruh yang datangnya dari tamadun India seperti Sri Vijaya dan Majapahit pada abad 1 masehi.
- c) Angka sifar juga merupakan sumbangan tamadun India dalam bidang matematik.
- d) Kaedah Ayurveda dalam bidang perubatan tradisi India yang menggunakan herba untuk menjaga kesihatan dan merawat pesakit merupakan sesuatu amalan yang dipraktikan sejak lebih 2000 dahulu.
- e) Apapun, terbukti bahawa peradaban orang India boleh dikatakan setanding dan amat maju berbanding dengan peradaban dunia lain yang wujud se-zaman dengannya. Kemajuan dan kegemilangan sesebuah peradaban tercipta dengan adanya keharmonian di kalangan masyarakat yang wujud.
- f) Keharmonian ini bukan sahaja wujud kerana kekayaan ekonomi atau kewibawaan seseorang pemimpin, tetapi juga bergantung kepada aspek sosial masyarakat tersebut. Keharmonian masyarakat hanya wujud jika sesebuah keluarga hidup dalam keadaan aman damai dan bahagia. Dua orang yang memainkan peranan yang penting dalam keluarga adalah ayah dan ibu.

- g) Maka, peranan yang dimainkan oleh seorang wanita dalam sesebuah keluarga sebagai isteri dan ibu banyak menentukan kesejahteraan keluarga tersebut khasnya dan masyarakat amnya.
- h) Peranan wanita dalam sesebuah peradaban banyak menentukan kegemilangannya secara tidak langsung. Ini kerana, tidak pernah wujud satu peradaban dunia yang menjadikan wanita sebagai hamba kepada kaum lelaki, malah kebanyakkan peradaban dunia yang unggul banyak menceritakan wanita-wanita yang masyhur seperti Nefertiti dan Cleopatra dalam peradaban Mesir. Bagaimana pula peranan wanita Hindu dalam peradaban India yang bermuladi Lembah Sungai Indus.
- i) Maka, secara langsung wanita memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sesebuah peradaban dunia bermula yang dengan sebuah institusi keluarga.

2.3 PERANAN REFORMASI SOSIAL DALAM PERADABAN INDIA

Reformasi sosial bermaksud mengubah-pulih sistem sosial masyarakat Hindu di atas sebuah platrom yang baru berdasarkan kebebasan dan keupayaan individu untuk hidup berasaskan pemikiran logic tetapi masih berpandukan ajaran moral dari teks agama (Maganlal,1938:111).

Reformasi sosial dalam erti kata yang luas merangkumi reformasi ekonomi dan politik. Dalam erti kata lain, reformasi sosial saling bergantung kepada reformasi ekonomi dan politik.. Aktiviti reformasi sosial harus bergerak

bebas tanpa kongkongan batasan agama. Malah aktiviti reformasi sepatutnya memberi tumpuan kepada bangsa lebih dari agama. Ianya menerima idea pembaharuan tetapi tidak menolak sekali gus ajaran lama, malah ajaran Veda digunakan sebagai panduan dengan menggunakan interpretasi yang logik dan rasional (Ibid:115-120).

Menurut Maganlal(1938), titik permulaan reformasi sosial di India secara rasmi adalah apabila Brahmo Samaj ditubuhkan. Reformasi social di India seiring dengan revolusi Industri di Eropah. Tokoh-tokoh reformasi sosial awal di India terdiri dari Raja Ram Mohan Roy, Madhusudan, Ranade, Haris Chandra dan ramai lagi.

Menurut Maganlal(1938) lagi, antara objektif utama reformasi sosial di India adalah:

1. Membebaskan masyarakat dari peraturan-peraturan sosial yang mendiskriminasi jantina.
2. Membimbing masyarakat ke arah kehidupan yang lebih sistematik dengan penggunaan sains dan teknologi dan kehidupan.
3. Menghormati manusia sebagai individu yang berhak bersuara dan mendapat peluang yang sama untuk memajukan diri.
4. Menghapuskan amalan kasta.
5. Membuang amalan atau kepercayaan karut dalam budaya masyarakat Hindu seperti, cicak yang jatuh di atas badan membawa nasib malang, sami Brahmin harus dibayar upah untuk menebus dosa kita,

memandang balu wanita ketika permulaan perjalan membawa nasib malang dan banyak lagi.

6. Untuk mewujudkan satu bangsa yang progresif.

Reformasi sosial boleh di sebarkan dengan menggunakan beberapa kaedah yang berlainan seperti memberontakan, melalui pendidikan, penggubalan rang undang-undang serta mengubah corak pemikiran secara perseorangan. Antara kaedah reformasi sosial yang paling berkesan di India ialah melalui membentuk rang undang-undang baru dan pengenalan sistem pendidikan moden (Ibid"128-131).

Era modenisasi dan konsep pemikiran rasional yang tersebar di negara-negara Barat banyak menyumbang ke arah pembentukan corak pemikiran reformis sosial di India (Maganlal,1938:105).

2.4 PERANAN WANITA DALAM PERADABAN INDIA

Usaha mengkaji peranan wanita dalam peradaban awal di Lembah Sungai Indus dianggap kurang efektif kerana tidak mempunyai rekod dan bukti-bukti yang kukuh dalam bentuk tulisan. Namun, satu perkara yang ada kaitan dengan wanita ialah penemuan artifak-artifak patung ‘dewi’ yang disembah oleh masyarakat Harappa dan Mohenjo-daro sebagai tuhan mereka (Mortimer Wheeler,1953:83). Ini membuktikan masyarakat pada zaman tersebut meletakkan status wanita dalam satu kedudukan yang amat tinggi sehingga wanita di simbolikkan sebagai tuhan.

Menurut John A.Mears dan Joachim R.Schneider dalam buku "Achievements Through The Ages"(1985),unit keluarga dalam peradaban India terdiri dari beberapa generasi. Biasanya terdiri dari ayah/ibu ,anak-anak dan menantu perempuan, ibu/bapa saudara, sepupu, anak perempuan dan cucu-cicit. Konsep keluarga bersekutu atau"extended family" ini lumrah sejak zaman dahulu kala.

Ketua keluarga terdiri dari kaum lelaki,biasanya yang paling tua. Segala keputusan mengenai keluarga ditentukan oleh ketua keluarga. Tugas kaum wanita dalam keluarga tersebut biasanya lebih bertumpu kepada pengurusan kerja rumah dan memasak. Undang-undang dan tradisi meletakkan kedudukan wanita sebagai lebih rendah dari kaum lelaki dari sisi undang-undang dan pemilikkan harta-benda(John M., Joachim S., 1985:70) namun mereka tetap diberi penghormatan oleh masyarakat.

Wanita tidak mempunyai kebebasan bersuara dan tidak digalakkan keluar rumah. Bakal suami akan dipilih oleh anggota keluarga lebih tua serta ketua keluarga. Setelah berkahwin, seseorang wanita dikehendaki tinggal bersama suaminya di rumah mertua. Status wanita yang paling tinggi adalah apabila beliau menjadi seorang ibu, lebih-lebih lagi jika mempunyai ramai anak lelaki (Ibid:70).